

525:  
MAHATHIR

1976

KUALA LUMPUR, 8 MAC (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA KERAJAAN AKAN MENINGKATKAN PENGAMBILAN BAKAL GURU SEBANYAK 300 PERATUS TAHUN DEPAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN SEKARANG.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MENTERI PELAJARAN, BERKATA PADA TAHUN INI SERAMAI 8,000 ORANG AKAN DIAMBIL BERBANDING DENGAN MASA LALU HANYA 3,600 ORANG.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI PEJABATNYA DI BANGUNAN PERSEKUTUAN DI SINI HARI INI BAHAWA PADA TAHUN DEPAN SERAMAI 10,000 ORANG AKAN DIAMBIL.

MENURUTNYA, PENGAMBILAN ITU AKAN DITAMBAH SETIAP TAHUN MENJADIKAN JUMLAH GURU HINGGA 80,000 ORANG.

KATANYA, TERDAPAT BANYAK BILIK DARJAH YANG MENGANDUNGI 50 ORANG MURID DAN INI MERUPAKAN PERKARA YANG TIDAK SIHAT.

KEMENTERIAN PELAJARAN MEMPUNYAI RANCANGAN UNTUK MEMBUKA EMPAT BUAH LAGI MAKTAB PERGURUAN DAN SEMUA MAKTAB TELAH DIARAH MENAMBAH BILANGAN PENUNTUT. -BERSAMBUNG 1300/MM

526:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA KEMENTERIANNYA JUGA SEDANG MENKKAJI MENGADAKAN TALIVISIYEN JARAK DEKAT UNTUK MELATIH GURU-GURU.

USAHA MELATIH GURU-GURU SEMENTARA SERAMAI 12,000 ORANG SEMASA BERTUGAS AKAN DAPAT DILAKSANAKAN DALAM MASA EMPAT ATAU LIMA TAHUN.

BELIAU MEMBERITAHU KEMENTERIAN ITU SEDANG MENKKAJI DENGAN TELITI SAMADA BERFAEDAH ATAU TIDAK MENGADAKAN TINGKATAN ENAM KERANA BERDASARKAN MEMORANDUM YANG DITERIMA DARI PAKAR-PAKAR PELAJARAN TINGKATAN ENAM TIDAK PERLU DIADAKAN.

MENGENAI TUGAS BARU SEBAGAI TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU AKAN MEMBANTU DATO HUSSEIN QNN DALAM MENJALANKAN URUSAN HARIAN NEGARA.

BAGAIMANAPUN BELIAU AKAN MENUMPUKAN MASA YANG LEBIH TERHADAP TUGASNYA SEBAGAI MENTERI PELAJARAN.

MENGENAI TAMBAHAN BAGI PERUNTUKAN KEMENTERIAN PELAJARAN, DR. MAHATHIR BERKATA SOAL KESELAMATAN PERLU DIBERIKAN KEUTAMAAN DAN TIDAK BOLEH DIBELAKANGKAN.

BELIAU TIDAK BERCADANG MELAWAT KELUAR NEGERI WALAUPUN BANYAK JEMPUTAN TERMASUK MELAWAT AMERIKA SEBAGAI MENTERI PELAJARAN.

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU BELIAU AKAN TERUS MELAWAT BEBERAPA NEGERI KERANA BEBERAPA MASAALAH PELAJARAN BELUM DIBERESKAN DAN JUGA MENINJAU KEADAAN DI NEGERI-NEGERI SELAKU TIMBALAN PERDANA MENTERI.

DR. MAHATHIR TELAH DIBERI SAMBUTAN MERIAH DI BANGUNAN PERSEKUTUAN OLEH PEGAWAI-PEGAWAI KEMENTERIANNYA PAGI INI UNTUK MENGUCAPKAN TAHNIAH ATAS PERLANTIKAN BELIAU SEBAGAI TIMBALAN PERDANA MENTERI.  
--BERNAMA 1305/MM